

*Jawab semua soalan*

**1 (a) Firman Allah SWT :**

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ وَتُدْلُوْا إِلَيْهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Surah Al Baqarah : 188

Ayat di atas menjelaskan larangan memperoleh harta dengan cara yang batil, antaranya ialah rasuah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud rasuah? [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** bentuk kesalahan rasuah [ 4 markah ]
- (iii) Rasuah merupakan perbuatan yang diharamkan secara jelas dalam Islam. Namun perbuatan ini masih juga berlaku dalam kalangan orang Islam.  
Kemukakan pendapat anda mengenai situasi tersebut [ 4 markah ]

**(b) Sabda Rasulullah SAW:**

عن عبد الله بن عمر يقول: سمعت رسول الله يقول: وكلكم راع وكلكم مسؤول عن رعيته، الإمام راع ومسؤول عن رعيته، والرجل راع في أهله وهو مسؤول عن رعيته، والمرأة راعية في بيت زوجها ومسئولة عن رعيتها، والخادم راع في مال سيده ومسؤول عن رعيته، - قال: وحسبت أن قد قال: والرجل راع في مال أبيه ومسؤول عن رعيته - وكلكم راع ومسؤول عن رعيته.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan setiap orang ialah pemimpin dan mempunyai tanggungjawab terhadap kepimpinannya.

Berdasarkan hadis di atas,

[ Lihat sebelah  
SULIT

- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat [ 2 markah ]
- (ii) Huraikan **dua** tanggungjawab anak kepada kedua ibu bapa yang telah meninggal dunia [ 4 markah ]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran hadis [ 4 markah ]
- 2 (a)** Al-Muntaqim bermaksud nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah Taala Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas
- (i) Nyatakan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT tersebut. [ 2 markah ]



*Keratan akhbar Berita Harian 27 Mac 2011*

- (ii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, Kemukakan pandangan anda berkaitan dengan gambar tersebut dan kaitkan dengan keimanan kepada Al- Muntaqim [ 4 markah ]
- (b)**
- (i) Nyatakan maksud ajaran sesat [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah [ 4 markah ]
- (c)** Golongan Ahli Sunnah Waljamaah dikenali dengan pelbagai nama, antaranya yang masyhur ialah Al Asyai'rah
- (i) Nyatakan maksud Ahli Sunnah Waljamaah [ 2 markah ]
- (ii) Senaraikan **dua** nama lain bagi Ahli Sunnah Waljamaah selain Al Asyai'rah [ 2 markah ]

Berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah merupakan asas kepada penerimaan sesuatu amalan yang dilakukan setiap hari.

- (iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas [ 4 markah ]

**3 (a)** Ibadah haji merupakan rukun Islam yang kelima

- (i) Nyatakan maksud Haji dari segi istilah [ 2 markah ]
- (ii) Senaraikan **empat** rukun haji [ 4 markah ]
- (iii) Terangkan **dua** perbezaan antara ibadah haji dan umrah [ 4 markah ]

**(b)** Hudud, Qisas dan Takzir merupakan hukuman bagi kesalahan jenayah di dalam Islam.

- (i) Apakah maksud Hudud? [ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan **empat** jenis kesalahan di bawah hukuman jenayah Hudud. [ 4 markah ]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah hukuman jenayah dalam Islam [ 4 markah ]

**4 (a)** Kerajaan Khulafak Ar Rasyidin merupakan Kerajaan Islam yang kedua selepas Kewafatan Rasulullah SAW .

- (i) Dimanakah pusat pemerintahan Kerajaan Khulafak Ar Rasyidin? [ 1 markah ]
- (ii) Nyatakan **tiga** khalifah yang terkenal selain Saidina Abu Bakar As Siddiq [ 3 markah ]
- (iii) Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan Khalifah Abu Bakar As Siddiq dalam bidang agama [ 4 markah ]

- (b) Sultan Muhammad al- Fatih ialah salah seorang khalifah yang sangat terkenal dalam kerajaan Uthmaniyah di Turki
- (i) Nyatakan jawatan beliau semasa menjadi khalifah [ 2 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah dalam aspek pentadbiran [ 4 markah ]



Profesor Ahmad Bin Ibrahim

- (c) Gambar di atas merupakan salah seorang tokoh Islam yang terkenal di Malaysia  
Berdasarkan gambar di atas,
- (i) Nyatakan **dua** pekerjaan beliau [ 2 markah ]
- (ii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mencontohi ketokohan beliau untuk menjadi murid yang cemerlang? [ 4 markah ]

- 5 (a)** Agama Islam menyuruh umatnya supaya sentiasa beradab kepada orang sakit dan kurang upaya
- (i) Nyatakan **dua** adab menjaga orang sakit dan kurang upaya dari aspek ibadah [ 2 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit [ 4 markah ]



*Portal Rasmi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia*

- (iii) Berdasarkan gambar di atas, cadangkan kaedah yang paling efektif untuk memerangi gejala tersebut dari terus merebak ? [ 4 markah ]
- (b) Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia
- (i) Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab dengan alam sekitar. [ 4 markah ]



*Keratan akhbar Kosmo 5 Februari 2021*

- (iii) Berdasarkan situasi di atas, huraiakan implikasi yang akan berlaku jika kelestarian alam tidak diurus dengan baik [ 4 markah ]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**